

DEB tidak perlu dikaji semula

Oleh
HAMID BENDAHARA



#DR.MAHATHIR

KUALA LUMPUR, Sabtu — Dasar Ekonomi Baru tidak perlu dikaji semula kerana pelaksanaannya telah berjaya mengimbangkan kedudukan ekonomi rakyat negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, beliau yakin Dasar Ekonomi Baru akan mencapai matlamat penyertaan 30% Bumiputera dalam semua bidang menjelang tahun 1990.

"Kerajaan berpuashati dengan pelaksanaannya dan tidak ada sebab Dasar itu dikaji secara menyeluruh," tambah beliau ketika mengulas dakwaan sepihak pihak yang ia hanya menguntungkan orang-orang Melayu yang tidak kaya.

Sambil menegaskan perkara seperti itu tidak timbul, beliau menekankan bahawa DEB telah menjalankan peranan yang baik

dalam usaha mengimbangkan ekonomi masyarakat Bumiputera dengan yang bukan Bumiputera.

Dato Seri Dr. Mahathir memberitahu bahawa beliau akan mengetuai satu rombongan pelaburan ke Eropah selama 18 hari mulai 14 Mei ini melawat Britain, Perancis, Jerman Barat dan Denmark.

"Saya akan mengadakan rundingan dengan pihak kerajaan dan sektor swasta di negara-negara bagi menarik lebih banyak lagi pelaburan ke negara ini," kata beliau.

Lima pegawai dari Jabatan Timbalan Perdana Menteri dan beberapa lagi dari Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA), akan turut serta ke Eropah.

Mengenal politik, beliau berkata Majlis Tertinggi UMNO belum bercadang hendak menarik se-

mula keputusannya menggentung keempat-empat Bahagian UMNO Negeri Melaka.

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Naib Presiden UMNO Malaysia merangkap Ketua Badan Perhubungan UMNO Melaka, memberitahu para pemberita selepas menghadiri upacara penyampaian ajiil Pusat Daya Pengeluaran Negara di Petaling Jaya bahawa kegiatan UMNO Melaka berjalan baik di bawah pentadbiran Badan Perhubungannya.

"Tiga hari lalu anggota Badan Perhubungan telah berkesyuarat di Kuala Lumpur dan tidak ada usul mengenai menarik semula penggantungan bahagian-bahagian dibincang," tegasnya.

Dengan ini, tambahnya, jelas menunjukkan belum ada rancangan untuk menarik semula penggantungan bahagian-bahagian UMNO Melaka menjelang Perhimpunan Agung UMNO Malaysia Jun akan datang.

Bagaimanapun, katanya, bahagian-bahagian tersebut akan menghantar tidak lebih 10 perwakilan tiap-tiap bahagian ke perhimpunan itu.

Keempat-empat bahagian UMNO itu — Bahagian Jasin, Batu Berendam, Kota Melaka dan Alor Gajah — telah digantung kegiatannya September tahun lalu berikutan 'kumpulan 11' Dewan Undangan Negeri Melaka mendesak Ketua Menteri, Haji Abdul Ghani Ali, meletakkan jawatannya.